



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A.2017/04/26(HQ)

### PENINGKATAN PENDAPATAN DI SEBALIK PERSEKITARAN PERNIAGAAN GLOBAL YANG MENCABAR

**6 bulan berakhir 28 Februari 2017 (Separuh Pertama TK2017)**

- Pendapatan meningkat sebanyak 5.8% kepada RM22.40 bilion, didorong oleh pertumbuhan permintaan unit elektrik di Semenanjung Malaysia sebanyak 2.3%
- Pelaburan dalam perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM 4.81 billion.
- Keuntungan Selepas Cukai Diselaraskan menurun sebanyak 5.2% kepada RM2.91 bilion, terutamanya daripada peningkatan peruntukan penghutang elektrik

*Kuala Lumpur, 27 April 2017* - Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan Keuntungan Selepas Cukai sebanyak RM3.23 bilion bagi Separuh Pertama Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2017 (Separuh Pertama TK2017), berbanding RM3.28 bilion yang dilaporkan pada tempoh sama tahun lepas.

Pendapatan Kumpulan mencatat peningkatan sebanyak 5.8% kepada RM22.40 bilion, terutama disebabkan oleh pertumbuhan 2.3% dalam permintaan unit elektrik bagi Semenanjung Malaysia. Kumpulan terus melabur dalam industri bekalan tenaga elektrik di Malaysia dengan perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM4.81 billion yang direkodkan pada Separuh Pertama TK2017.

Bagi menggambarkan prestasi kewangan syarikat, kesan tukaran wang asing dan insentif eluan pelaburan semula ke atas Keuntungan Selepas Cukai telah diselaraskan. Sila rujuk Jadual 1 pada halaman berikut.

### Keuntungan Selepas Cukai yang Diselaraskan

<b>Semenanjung Malaysia (Gwh)</b>	<b>6 bulan</b>	
	<b>TK2017</b>	<b>TK2016</b>
Jualan Unit Elektrik	54,768.2	53,547.8

<b>Kumpulan (RM juta)</b>	<b>6 bulan</b>	
	<b>TK2017</b>	<b>TK2016</b>
Keuntungan Selepas Cukai	3,228.9	3,277.2
Tukaran Wang Asing (Keuntungan) / Kerugian	202.5	235.4
Elaun Pelaburan Semula	(518.9)	(440.1)
<b>Keuntungan Selepas Cukai yang Diselaraskan</b>	<b>2,912.5</b>	<b>3,072.5</b>

**Jadual 1**

Hasilnya, Keuntungan Selepas Cukai Diselaraskan bagi Separuh Pertama TK2017 direkodkan lebih rendah sebanyak 5.2% pada RM2.91 bilion berbanding RM3.07 bilion yang direkodkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. Keuntungan lebih rendah diperoleh berikutan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi terutamanya daripada peningkatan peruntukan penghutang elektrik.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan TNB sentiasa mengambil kira cabaran dalam landskap ekonomi global semasa dan mengakui pentingnya sikap berhati-hati dalam mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan Syarikat. Oleh itu, Kumpulan perlu menyemak semula penghutang sekurang-kurangnya pada setiap suku tahun terutamannya berkaitan penghutang elektrik, Kumpulan haruslah membuat penilaian secara proaktif terhadap penghutang individu serta kelemahannya berdasarkan persekitaran operasi semasa. Ini telah membawa kepada peningkatan peruntukan penghutang elektrik sepanjang Separuh Pertama TK2017 berbanding tempoh sama tahun lepas.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata, "TNB komited dalam mengoptimumkan kecekapan operasi dan meneroka nilai di seluruh Kumpulan, dalam kedua-dua perniagaan kawal selia dan tidak dikawal selia."

Bagi perniagaan kawal selia dalam segmen-segmen Penghantaran dan Pembahagian, TNB terus mencatat prestasi luar biasa pada Separuh Pertama TK2017, setanding dengan negara-negara maju seperti United Kingdom dan Australia, dengan Sistem Penghantaran minit kami yang merekodkan bawah dua minit sementara Sistem Indeks Purata Tempoh Gangguan atau SAIDI

mencatat dalam lingkungan 50 minit. Kami akan berusaha untuk memastikan pencapaian ini berterusan pada masa hadapan "

Bagi perniagaan tidak dikawal selia terutamanya dalam segmen penjanaan yang beroperasi dalam pasaran kompetitif sepenuhnya, prestasi kami agak setanding dengan peneraju pasaran. Faktor Ketersediaan Loji Penjanaan atau EAF kami mencatatkan peningkatan 0.6 mata peratus pada 89.9%, berbanding 89.3% yang direkodkan pada Ogos 2016.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie menambah kata: "Bagi memastikan keperluan permintaan negara dipenuhi, dan keseluruhan keberkesanan, keselamatan dan kebolehpercayaan sistem dikekalkan, Kumpulan terus melabur dalam pembangunan industri permintaan elektrik Malaysia. Sejumlah RM4.81 bilion dilaburkan dalam perbelanjaan modal atau capex bagi Separuh Pertama Tahun Kewangan 2017, yang meningkatkan jumlah aset asas kepada RM137.56 bilion.

Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Laporan Kewangan 2016 menjangkakan bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 4.3% – 4.8% pada tahun 2017 berikutan pertumbuhan global yang bertambah baik secara beransur-ansur, pemulihan harga komoditi global dan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pelaburan diunjurkan kekal sederhana dalam persekitaran sentimen perniagaan yang berhati-hati dan suasana ekonomi serta persekitaran global yang terus tidak menentu.

Memandangkan prospek harga komoditi dan tenaga global yang lebih tinggi serta kesan pergerakan turun naik kadar tukaran matawang, Lembaga Pengarah kekal berwaspada dengan prospek Kumpulan bagi Tahun Kewangan 2017.

Lembaga Pengarah juga telah meluluskan dividen interim satu peringkat sebanyak 17.0 sen sesaham biasa berjumlah kira-kira RM960 juta. Kira-kira 68% daripada dividen akan dikembalikan kepada institusi berkaitan kerajaan seperti Khazanah Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Permodalan Nasional Berhad, Tabung Haji dan akhirnya kepada pemegang saham mereka.

Penutupan Buku dan tarikh pembayaran akan diumumkan dalam masa terdekat.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 5:45 petang, 27 April 2017**

*Sila kemukakan sebarang pertanyaan Nor Hanim Idris at 019-2617617  
/ Puti Mazlina Mashudi di 013-3642727  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

## Sorotan Kewangan

	6-bulan berakhir Februari	
<b>RM' Juta</b>		
Jumlah pendapatan	22,403.9	21,166.1
Perbelanjaan operasi	(18,427.7)	(17,246.5)
Pendapatan operasi lain	342.5	319.9
<b>Lebihan operasi (EBIT)</b>	<u>4,318.7</u>	<u>4,239.5</u>
<b>Kos kewangan</b>	(669.2)	(499.2)
<b>Keuntungan/ (Kerugian) Tukaran Wang Asing</b>	(202.5)	(235.4)
<b>Keuntungan bersih (sebelum Keuntungan / (Kerugian) Tukaran Wang Asing</b>	3,424.9	3,532.1
<b>Keuntungan bersih dibayar kepada pemilik syarikat</b>	3,222.4	3,296.7
<b>Pendapatan sesaham</b>	57.01 sen	58.41 sen

### Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjanaan elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2016, TNB membekalkan elektrik kepada 9.1 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pemasakan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan.

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam mengerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).